

# Dividen ASM

metro. Bisnes 23/05/2010

## 6.30 sen seunit

### ASNB peruntuk RM654.06 juta untuk diagih kepada pemegang unit

>>Oleh Hatipah Ahmad  
bisnes@hmetro.com.my

FOTO | Fariz Iswadi Ismail

**A**MANAH Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), mengumumkan pengagihan pendapatan 6.30 sen seunit Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010.

Kadar pengagihan pendapatan itu lebih tinggi berbanding 6.25 sen seunit tahun lalu yang juga kadar terendah sejak diperkenalkan pada 2000.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata kadar pengagihan itu membabitkan peruntukan RM654.06 juta, meningkat 60.5 peratus berbanding RM407.58 juta yang dibayar pada tahun lalu.

Sehingga 19 Mac lalu, sebanyak 11.2 bilion unit ASM dilanggan, meningkat 55.3 peratus berbanding 7.21 bilion unit yang dicatatkan pada 31 Mac 2009.

Beliau berkata, dana ASM juga menarik 149,000 pemegang unit baru menjadikan jumlah pemegang unit terkini lebih 552,000 orang.

"Persekitaran pelaburan dan pasaran saham tempatan kini lebih meyakinkan berikutan pemulihan ekonomi dan pasaran saham global.

"Faktor ini digabungkan dengan pelaksanaan berkesan pakej rangsangan kerajaan berjumlah RM67 bilion dan polisi kewangan yang membantu Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan positif dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 4.50 peratus pada suku keempat 2009.

"ASM ialah dana ekuiti pendapatan yang memberi peluang pemegang unit membuat pelaburan jangka panjang untuk menjana pulangan kompetitif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio dipelbagai-kan," katanya pada majlis pengumuman pengagihan pendapatan ASM di Kuala Lumpur, semalam.



UMUM...Ahmad Sarji (kiri) bersama Hamad Kama Piah mengumumkan pengagihan pendapatan ASM, semalam.

## >Enam bilion AS1M boleh dilanggan

**P**ELUANG untuk orang ramai membeli unit Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) masih terbuka terutama bagi kuota Bumiputera dan India dengan hampir enam bilion unit tersedia untuk dilanggan daripada 10 bilion unit keseluruhan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, berkata sejak AS1M dilancarkan pada Julai tahun lalu, kadar

langganan terpantas membabitkan kalangan pelabur Cina.

"Hanya lapan peratus atau 238 juta unit daripada tiga bilion unit AS1M diperuntukkan kepada masyarakat Cina masih ada, tetapi bagi kouta kaum lain masih banyak," katanya selepas majlis mengumumkan pengagihan Amanah Saham Malaysia (ASM) di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, dana pendapatan ekuiti itu dapat

dijual pada kadar pantas kepada kalangan pelabur Cina berikutan tidak banyak dana amanah ditawarkan PNB kepada bukan Bumiputera.

"Ramai yang masih menunggu dividen pertama AS1M untuk diumumkan PNB.

"Mereka menunggu pengumuman kerana mahu membandingkan dengan dana lain PNB dan bagi memastikan sama ada pendapatan AS1M sama menarik seperti amanah saham lain," katanya.

Hadir sama dalam sidang media itu Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Menurutnya, sehingga 19 Mac lalu, tabung ASM memperoleh pendapatan kasar RM800.83 juta dan daripada jumlah itu, RM429.83 juta atau 53.7 peratus disumbang keuntungan daripada pelaburan dalam instrumen jangka pendek.

Katanya, sebanyak

RM259.69 juta atau 32.4 peratus disumbang pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat manakala RM111.31 juta atau 13.9 peratus dalam instrumen jangka pendek.

Justeru, bagi tujuan pengiraan pendapatan ini, semua urus niaga bagi ASM di pejabat dan ejen ASNB akan ditangguhkan mulai esok hingga 31 Mac dan pemegang unit boleh mengemas kini buku masing-masing mulai 1 April apabila urus

niaga dibuka seperti biasa.

Sementara itu, Hamad Kama Piah berkata, pengagihan pendapatan bagi ASM sebanyak 6.30 sen seunit adalah lebih baik berbanding unit amanah lain yang mempunyai profil risiko sama.

"Walaupun keupayaan kami untuk membayar agihan pendapatan ASM adalah 7.40 sen seunit, tetapi kami hanya membayar 6.30 sen kerana mahu membawa rizab kira-kira RM118 juta ke tahun 2011," katanya.